SULIT*

940/1 STPM 2020

SEJARAH

SEJARAH DUNIA (1500 -1955)

KERTAS 1

(Dua jam)

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN
(KELANTAN EDUCATION DEPARTMENT)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Jawab ***empat*** soalan sahaja.

1. Bincangkan ciri-ciri masyarakat feudal di Jepun pada Zaman Keshogunan Tokugawa.
(20 markah)

2. Bincangkan peranan pembesar dalam sistem pemerintahan beraja di Negara China dari abad ke-16 hingga 20.
(20 markah)

3. Bincangkan faktor-faktor yang mendorong perkembangan ekonomi kapitalisme di England selepas berlakunya Revolusi Industri.
(20 markah)

4. Huraikan kesan-kesan Zaman Pencerahan dalam bidang politik dan ekonomi di Eropah pada abad ke 18M.
(20 markah)

5. Huraikan kesan Perang Dunia kedua terhadap Jerman
(20 markah)

6. Huraikan kesan Gerakan 4 Mei yang dilancarkan oleh pelajar-pelajar Universiti Peking pada tahun 1919.

(20

SET 1

1. Bincangkan ciri-ciri masyarakat feudal di Jepun pada zaman keshogunan Tokugawa.

(20markah)

A. Pengenalan

1. Masyarakat feudal merujuk kepada masyarakat berhierarki yang mempunyai susunlapis tersendiri.
2. Dalam masyarakat feudal, kedudukan , kuasa dan status setiap lapisan ditentukan melalui penguasaan terhadap tanah.
3. Terdapat beberapa ciri yang unik pada masyarakat feudal yang muncul di Jepun pada zaman Tokugawa.

B. Isi.

1. Kedudukan Maharaja

i. Pada zaman keshogunan Tokugawa, Maharaja tidak mempunyai kuasa dalam pemerintahan dan pentadbiran.

ii. Maharaja merupakan ketua Negara tetapi kuasa sebenar dalam pemerintahan terletak di tangan Shogun

iii. Shogun Tokugawa mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan kedudukan dan pengaruhnya.Beliau memperkenalkan Undang-undang bagi mengurangkan pengaruh maharaja dan putera raja. Pada zaman feudal di Jepun maharaja tidak memiliki kuasa dalam pemerintahan.

2. Kedudukan Shogun

i. Pada zaman keshogunan Tokugawa, kuasa pemerintahan terletak pada shogun.Kedudukan diperkuatkan dengan menubuhkan pasukan tentera yang kuat.

ii. Shogun mengambil langkah dengan menyerahkan pentadbiran wilayah kepada Vassal yang setia kepadanya.Beliau mengambil langkah ini bagi meningkatkan kekayaan dengan melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi kemersial dan perlombongan.

iii. Beliau turut mengambil tindakan mengawal tindak tanduk golongan Daimyo yang menguasai daerah supaya Daimyo tidak menentangnya. Shogun merupakan individu yang amat berpengaruh dalam politik dan ekonomi pada zaman feudal di Jepun.

3. Pemilikan Tanah

i. Pada zaman Tokugawa, Shogun menyerahkan tanah kepada tuan tanah (Daimyo) yang setia kepadanya.
ii. Tuan tanah yang setia kepada Shogun bertindak mengawasi gerak-geri Daimyo yang diragui kesetiaannya.Tokugawa Ieyasu mengambil langkah untuk merampas tanah daripada Daimyo yang menentang pemerintahannya.
iii. Shogun melantik beberapa orang pegawai untuk mentadbir dan menguruskan tanah miliknya.Pegawai yang menguruskan tanah milik shogundikenali sebagai Gundai dan Daikan.

4. Kewajipan peribadi

i. Dalam masyarakat feudal di Jepun, wujud hubungan peribadi antara Shogun dan Daimyo.Shogun akan menyerahkan tanah kepada Daimyo yang setia kepadanya.
ii. Sebagai balasan, Daimyo akan membantu Shogun dalam mengendalikan hal pentadbiran dan ketenteraan.
iii. Dalam hal ini, kedua-dua pihak iaitu Shogun dan Daimyo saling bergantung terhadap kepentingan bersama.

5. Mobiliti sosial

i. Masyarakat feudal di Jepun pada abad ke-16 dan 17M terdiri daripada beberapa lapisan masyarakat.
ii. Setiap lapisan dalam masyarakat feudal mempunyai kedudukan ekonomi, sosial dan politik yang berbeza. Kedudukan dan status masyarakat ditentukan berdasarkan keturunan dan sistem kelas yang wujud pada masa tersebut.
iii. Dalam masyarakat feudal di Jepun, perubahan dalam status mobiliti sosial jarang berlaku.

C. Kesimpulan

1. Pada zaman Tokugawa, Masyarakat feudal yang terdapat di Jepun masih berpegang kuat kepada ciri-ciri unik yang terdapat dalam sistem ini.
2. Berbeza dengan masyarakat feudal di England, masyarakat feudal di Jepun tidak mengalami sebarang perubahan dalam masyarakat.

iii. Justeru, pembesar memainkan peranan membantu maharaja menegakkan undang-undang serta memelihara keamanan dalam negara.

3. **Kehakiman**

i. Pembesar-pembesar di negara China memainkan peranan dalam menguruskan hal' ehwal kehakiman.

ii. Mereka mempunyai kuasa **membicarakan kes-kes** di peringkat pusat dan wilayah.

iii. Mereka **menganggotai lembaga keadilan** yang ditubuhkan untuk mengendalikan hal ehwal kehakiman.

iv. Antara tugas lembaga keadilan ialah **menjatuhkan hukuman, memberi pengampunan** dan **membicarakan kes-kes rayuan.**

v. Terdapat pembesar yang dilantik sebagai pesuruhjaya kehakiman yang menguruskan kehakiman di provinsi.

vi. Pembesar membantu maharaja dalam menguruskan hal ehwal kehakiman bagi memelihara kesejahteraan rakyat.

4. **Ketenteraan**

i. Pembesar memainkan peranan dalam **hal ehwal ketenteraan** di peringkat pusat dan wilayah.

ii. Pembesar pusat dilantik sebagai **anggota lembaga peperangan** yang menguruskan **pelantikan** dan **pemecatan pegawai tentera.**

iii. Pembesar-pembesar wilayah dilantik sebagai **komander tentera.**

iv. Mereka berperanan **memulihkan keamanan** dan **kestabilan politik** di wilayah masing-masing.

v. Pembesar juga menyediakan **bantuan ketenteraan** kepada maharaja.

vi. Pembesar bertanggungjawab dalam mempertahankan negara daripada ancaman dari luar dan dalam negara.

5. **Ekonomi**

i. Pembesar-pembesar **memberi nasihat** kepada maharaja dalam **aspek kewangan** dan **percukaian.**

ii. Mereka berperanan **mengutip cukai** daripada penduduk tempatan dan menguruskan **pendaftaran tanah.**

iii. Mereka menyerahkan sebahagian daripada **hasil kutipan cukai** kepada maharaja.

iv. Pembesar dilantik untuk menguruskan **hal ehwal kewangan** di peringkat provinsi dan daerah.

v. Pembesar berperanan membantu maharaja dalam **melicinkan pengurusan ekonomi** serta mengukuhkan kedudukan ekonomi negara.

6. Agama

i. Pembesar memainkan peranan dalam bidang keagamaan di peringkat pusat dan wilayah.

ii. Mereka **mengetuai upacara-upacara ritual** dan **kerohanian** yang diaiakan di peringkat pusat dan wilayah.

iii. Pembesar-pembesar pusat mengetuai **Lembaga Upacara** yang mengendalikarupacara **diraja** dan **upacara korban.**

iv. Pembesar membantu maharaja mengukuhkan kedudukannya melalui upacara ritual dan keagamaan.

C. KESIMPULAN

i. Pembesar-pembesar memainkan peranan membantu maharaja menjalankan pemdbir, negara. Mereka mempunyai **kedudukan yang istimewa** dalam sistem pemerintahan monarki di negara China.

ii. Maharaja mengukuhkan kedudukan dengan **mengawal pembesar-pembesar** di wilayah. Pada zaman Ching, wujud persaingan dalam kalangan pembesar untuk menguasai kerajaan pusat. Persaingan ini menjejaskan kestabilan politik dan meletakkan asas bagi keruntuhan kerajaan Manchu.

3. Bincangkan faktor-faktor yang mendorong perkembangan ekonomi kapitalisme di England selepas berlakunya Revolusi Industri.

(20 markah)

A. Pendahuluan :

1. Ekonomi Kapitalisme merupakan sistem ekonomi yang mementingkan pengumpulan kekayaan oleh individu tanpa gangguan kerajaan yang bertujuan untuk memperolehi keuntungan. Revolusi Industry di England telah mencetuskan sistem ekonomi bersifat kapitalisme.
2. Sistem kapitalisme di England mengamalkan pemilikan secara persendirian terhadap harta benda atau alat-alat pengeluaran seperti kilang, tanah dan lombong yang dikategorikan sebagai modal.
3.Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi perkembangan ekonomi kapitalisme di England selepas berlakunya revolusi industri.

B. Isi

Perkembangan dalam sektor perindustrian

i. Permintaan yang tinggi bagi barangan tekstil di eropah telah membawa kepada penciptaan mesin pemintal yang pertama oleh James Hargreaves pada tahun 1764.
ii. Pada tahun 1795, Edmund Cartwright telah mencipta mesin tenun pertama yang menggunskan kuasa air. Kemajuan dalam perindustrian telah membawa kepada kemajuan peleburan besi dengan menggunakan arang batu untuk menghasilkan besi tempa bagi membuat peralatan besi. Pada akhir abad ke18, kuasa wap telah digunakan dalam bidang industri untuk mengendalikan jentera.
iii. Pelbagai kaedah baharu ditemui bagi memajukan industri perindustrian di England. Antaranya, Siemens menemui kaedah baharu untuk menghasilkan keluli daripada keluli belum tempa. Penggunaan teknologi tersebut membolehkan pertambahan pengeluaran dalam industri tekstil pada abad ke18.
iv. Industri besi juga menunjukkan pertambahan dalam pengeluaran selepas Revolusi Perindustrian di England. Ini adalah kerana England mempunyai banyak sumber bijih besi dan telah berjaya mengeluarkan besi yang lebih bermutu berbanding negara lain di Eropah. Jelaslah bahawa perkembangan yang pesat dalam bidang perindustrian telah mendorong perkembangan ekonomi kapitalisme di eropah

Kemajuan dan perkembangan sistem pengangkutan

i. Revolusi Perindustrian telah membawa kepada kemajuan dalam bidang pengangkutan seperti perkapalan, jalan raya, kereta api dan terusan. Kapal-kapal mula dibina daripada besi menggantikan kayu balak dari Baltik.
ii. Teknologi pembinaan kapal besi oleh Wilkinson pada tahun `787 telah menyaksikan kapal-kapal dibina menggunakan besi sebagai rangka kayu sebagai dinding. Kapasiti kapal menjadi lebih besar dengan penggunaan besi kerana boleh mengangkut lebih banyak kargo berbanding kapal yang dibina menggunakan kayu pada masa dahulu. Pada tahun 1802, kapal-kapal menggunakan enjin stim dan keluli menggantikan besi dalam industri pembinaan kapal.
iii. Perluasan permintaan barangan perkilangan turut mempengaruhi pembinaan jalan raya di Britain. John Macadam memperkenalkan pembinaan jalan raya daripada batu dan minyak tar. Kemajuan ini mempermudahkan perhubungan antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Penambahbaikan sistem jalan raya ini dibuktikan dengan penjimatan masa perjalanan antara satu kawasan dengan kawasan yang lain.

Perkembangan dan Kemajuan bidang pertanian

i. Sektor pertanian menggunakan sistem tanah dan kaedah pertanian baharu telah meningkatkan hasil tanaman. Petani di England mengamalkan sistem tanah berpagar untuk menggantikan tanah lapang.
ii. Pemagaran tanah dapat memisahkan kawasan yang dimiliki dan diusahakan daripada tanah yang diusahakan dan dimiliki oleh orang lain. Konsep ini berjaya mengenepikan adat serta peraturan tradisi yang diamalkan sebelumnya dan memberi kebebasan yang lebih kepada seseorang dalam usahanya untuk memajukan tanah yang disewa atau dimiliki.

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta